

# President's Statement

## Penyata Presiden



Dato' Zafer Hashim

In the name of Allah, the most Beneficent, the most Merciful.

### INTRODUCTION

The year 2010 proved to be both challenging and rewarding for Bank Pembangunan Malaysia Berhad (the Bank), as it continued to grow and accomplish targets set at the beginning of the year. Against a backdrop of recovery in the economy, the Bank prided itself in being agile and resilient in meeting new challenges, particularly in the wake of higher impaired loans ratio arising from first time implementation of the new financial reporting standard, FRS 139.

*Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah, Lagi Maha Mengasihani.*

### PENGENALAN

*Tahun 2010 merupakan tahun yang memberikan kedua-dua cabaran dan manfaat kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank), yang terus berkembang dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan pada awal tahun. Dengan berlatarbelakang ekonomi yang semakin pulih, Bank berbangga kerana terus bangkit dengan tangkas dan tabah dalam menghadapi cabaran-cabaran baru, terutama ekoran daripada nisbah penurunan nilai pinjaman yang lebih tinggi yang timbul daripada pelaksanaan Standard Pelaporan Kewangan baru, FRS 139.*

# President's Statement

## Penyata Presiden

### STRONGER FINANCIAL PERFORMANCE

The Bank ended 2010 on a high note, recording a significant increase of 31% in Profit Before Tax (PBT) to chalk up RM503.5 million from RM383.6 million the previous year.

Net interest income rose by RM3.9 million to RM772 million from RM768 million in 2009, attributable to higher income from loans & advances and interest compensation from the government. At the same time, non-interest income increased by RM183 million to RM303 million from RM121 million in 2009. This was mainly due to increase in utilization of Infrastructure Support Fund (ISF) from the government to compensate for impairment charges for loans and securities, arising from the implementation of FRS 139. The RM186 million utilized from ISF helped soften the impact of higher impairment allowances and losses by 12% during the year, after registering RM490 million compared to RM436 million in 2009.

Total assets of the Bank grew by 10% during the year under review, on the back of gross loan growth of 12%. Under the new accounting policy adopted in line with FRS 139, gross impaired loans registered RM2.6 billion as at 31 December 2010, with gross and net impaired loans ratio recording 11.1% and 4.3% respectively, compared to 4.2% and 1.7% respectively at the end of the previous year. The huge increase was due to the fact that loan impairment under FRS 139 was based on objective evidence of impairment as a result of one or more events, and that the loss event has an impact on future estimated cash flows of the loan that can be reliably estimated. One of the events resulting in impairment is when a loan is 3 months in arrears. This is more stringent than the non-performing loans' trigger of 6 months' arrears practiced by the Bank under BNM's GP3 previously.

### PRESTASI KEWANGAN LEBIH KUKUH

*Bank mengakhiri tahun 2010 dengan catatan nota tinggi, merekodkan peningkatan pendapatan Sebelum Cukai yang signifikan sebanyak 31%, berjumlah RM503.5 juta dibandingkan RM383.6 juta pada tahun sebelumnya.*

*Pendapatan faedah bersih telah meningkat RM3.9 juta kepada RM772 juta daripada RM768 juta pada 2009, berpunca daripada pendapatan yang tinggi oleh pinjaman-pinjaman dan pendahuluan-pendahuluan dan ganti rugi faedah daripada Kerajaan. Pada masa yang sama, pendapatan tanpa faedah meningkat RM183 juta kepada RM303 juta daripada RM121 juta pada 2009. Ini berikutan peningkatan penggunaan Dana Sokongan Infrastruktur (ISF) daripada Kerajaan untuk mengimbangi penurunan bayaran pinjaman-pinjaman dan cagaran-cagaran, yang timbul daripada pelaksanaan FRS 139. RM186 juta yang digunakan daripada ISF telah membantu mengurangkan impak penurunan nilai elaun-elaun dan kerugian-kerugian sebanyak 12% semasa tahun kajian, selepas merekodkan RM490 juta berbanding dengan RM436 juta pada 2009.*

*Jumlah aset Bank tumbuh 10% semasa tahun kajian, dibelakangi pertumbuhan pinjaman kasar 12%. Di bawah polisi perakaunan baru yang digunakan di bawah FRS 139, penurunan nilai pinjaman kasar mencatatkan RM2.6 bilion pada 31 Disember 2010, dengan penurunan nilai pinjaman kasar dan bersih masing-masing merekodkan 11.1% dan 4.3% berbanding dengan 4.2% dan 1.7% pada penghujung tahun sebelumnya. Peningkatan yang besar ini disebabkan oleh penurunan nilai pinjaman di bawah FRS 139 yang berdasarkan bukti objektif penurunan nilai akibat daripada satu atau lebih perkara, dan kerugian memberi kesan kepada aliran wang tunai teranggar pada masa hadapan terhadap pinjaman yang telah dianggar dengan pasti. Salah satu punca mengakibatkan penurunan nilai adalah apabila sesuatu pinjaman itu tertunggak selama 3 bulan. Ianya lebih ketat daripada pinjaman-pinjaman tidak berbayar dengan tunggakan 6 bulan, seperti yang diamalkan oleh Bank di bawah GP3 Bank Negara Malaysia sebelum ini.*

# President's Statement

## Penyata Presiden

The Bank's financial health, as measured by capital adequacy, continued to be one of the strongest in the industry. Notwithstanding the impact of FRS 139 adjustments which had resulted in a decrease in retained earnings and ISF, at the end of 2010. Risk Weighted Capital Ratio (RWCR) further strengthened to 33.2% from 31.6% in 2009. This was partly attributable to ample Tier II capital in the form of collective assessment allowance amounting to RM651 million, thereby providing adequate buffer over and above the hefty individual impairment allowances made on all loans classified as impaired.

Funding issues continued to be the focus, as the Bank strived to enhance liquidity management and optimize funding mix in order to reduce average cost of funds. Proactive management of the liabilities aspect of the balance sheet was reflected in lower average cost of funding of 3.6% against 2009's 3.75%. This served to demonstrate that the Bank has progressed further in its goal towards becoming a premier development financial institution, playing a pivotal role in the development of the nation in parallel with the government's aspirations under the Economic Transformation Programme (ETP) and 10MP.

### INCREASED LENDING ACTIVITIES

The Bank's gross loans outstanding recorded a growth of 12% to register RM23.7 billion as at 31 December 2010. This was achieved on the back of RM2.5 billion net disbursements, although the impact was partially offset by close to RM1.1 billion additional impairment allowance and losses booked in during the year. As a result, net loans after deducting individual and collective assessment allowances recorded RM21.3 billion as at end 2010, a growth of 7% from the previous year.

*Kedudukan kewangan Bank, seperti yang diukur dengan kecukupan modal, terus menjadi antara yang terkukuh dalam industri. Walaupun kesan pelarasan semula FRS 139 telah mengakibatkan penurunan dalam baki keuntungan terkumpul dan ISF, pada akhir 2010. Nisbah Modal Berwajaran Riskio (RWCR), terus mengukuh kepada 33.2% daripada 31.6% pada 2009. Ini sebahagiannya disumbangkan kepada lebih modal Tier II dalam bentuk penilaian kolektif elaun berjumlah RM651 juta, sehingga menyediakan penimbal yang mencukupi ke atas penurunan nilai elaun individu dibuat ke atas semua pinjaman yang diklasifikasikan sebagai terjejas.*

*Isu-isu pendanaan terus menjadi fokus, di mana Bank terus berusaha untuk meningkatkan pengurusan kecairan dan mengoptimalkan pendanaan campuran dalam usaha untuk mengurangkan kos purata dana. Pengurusan proaktif ke atas aspek-aspek liabiliti kunci kira-kira, dicerminkan oleh kos purata pendanaan yang lebih rendah pada 3.6% berbanding 3.75% pada tahun 2009. Ini membuktikan yang Bank telah menunjukkan kemajuan dalam mencapai cita-citanya untuk menjadi intitusi pembiayaan pembangunan utama, yang memainkan peranan penting dalam pembangunan Negara sejajar dengan inspirasi kerajaan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Rancangan Malaysia ke-10 (10MP).*

### MENINGKATKAN AKTIVITI-AKTIVITI PEMBIAYAAN

*Pinjaman kasar Bank mencatatkan pertumbuhan cemerlang 12% atau RM23.7 bilion setakat 31 Disember 2010. Ini berjaya dicapai dengan bantuan RM2.5 bilion pengeluaran pinjaman bersih, walaupun kesan tersebut sebahagiannya diimbangi oleh tambahan hampir RM1.1 bilion penurunan nilai elaun dan kerugian dicatatkan pada tahun tersebut. Hasilnya, pinjaman-pinjaman bersih selepas ditolak penilaian kolektif elaun-elaun dan individu telah merekodkan RM21.3 bilion pada hujung tahun 2010, pertumbuhan 7% daripada tahun sebelumnya.*

# President's Statement

## Penyata Presiden

The year saw loan approvals returning to normal levels, with 37 loans worth RM3.3 billion being approved to finance various projects in infrastructure, maritime and high technology. This was in contrast with the approvals of 2009 which had included one mega infrastructure project worth RM6.7 billion

### Infrastructure

The Bank approved a total of 17 loans valued at RM1.95 billion to finance infrastructure projects largely in the sub-sectors of education, transportation and utility, with approvals totaling RM1.1 billion or 56% from the total loans approved. Tourism industry was the recipient of RM264 million approval, mainly to provide financing for construction of hotels while approvals of RM333 million were granted under the construction sector, with the bulk of it for the oil & gas industry.

The education sector benefited from 5 approvals to private concessionaires under the Private Finance Initiative (PFI) concept with a total RM1.25 billion loan approved to finance the development of 5 UiTM branch campuses. These concessions entail the design, build, lease and transfer of these campuses as part of the government's PFI programme.

### Maritime

2010 was a challenging year for the maritime sector due to volatility of the shipping market. Nevertheless, 14 loans valued at RM1.1 billion were approved for the acquisition of vessels (46%) mainly tug supply vessels and the balance (54%) for the financing of vessel construction for offshore activities. This proves that even in bad economic condition, the Bank has stepped up its efforts to further intensify the assistance provided to the shipyard and shipping industry in consonance with our mandate to assist the government in developing and transforming the country into a 'Maritime Nation'.

*Tahun 2010 memperlihatkan kelulusan pinjaman kembali kepada aras normal, dengan 37 pinjaman bernilai RM3.3 bilion telah diluluskan untuk membiayai berbagai-bagai projek infrastruktur, maritim dan teknologi tinggi. Ini berbeza sekali dengan kelulusan pada 2009 yang mana telah termasuk satu projek mega infrastruktur yang bernilai RM6.7 bilion.*

### Infrastruktur

*Bank telah meluluskan sejumlah 17 pinjaman bernilai RM1.95 bilion untuk membiayai projek-projek infrastruktur, sebahagian besarnya dalam sub-sektor pendidikan, pengangkutan dan utiliti, dengan kelulusan berjumlah RM1.1 bilion atau 56% daripada jumlah pinjaman diluluskan. Industri pelancongan menerima RM264 juta yang diluluskan, terutamanya untuk menyediakan pembiayaan bagi pembinaan hotel-hotel, manakala kelulusan berjumlah RM333 juta telah diberi di bawah sektor pembinaan, di mana sebahagian besarnya kepada industri minyak dan gas.*

*Sektor pendidikan mendapat manfaat daripada 5 kelulusan kepada pemegang konsesi di bawah konsep Inisiatif Kewangan Swasta (PFI) dengan sejumlah RM1.25 bilion pinjaman telah diluluskan untuk membiayai pembangunan 5 kampus cawangan UiTM. Konsesi-konsesi ini melibatkan rekabentuk, membina, menyewa dan memindahkan kampus-kampus ini sebagai sebahagian daripada program PFI Kerajaan.*

### Maritim

*2010 merupakan tahun yang mencabar bagi sektor maritim berikutan pasaran perkapalan yang tidak stabil. Namun begitu, 14 pinjaman bernilai RM1.1 bilion telah diluluskan untuk perolehan kapal (46%) terutamanya kapal bekalan tunda dan bakinya (54%) untuk pembiayaan pembinaan kapal untuk aktiviti-aktiviti luar pesisir pantai. Ini membuktikan bahawa, biarpun dalam keadaan ekonomi yang kurang memberangsangkan, Bank telah meneruskan langkah memperhebatkan usaha menyediakan bantuan kepada industri perkapalan dan limbungan sejajar dengan mandat kami untuk membantu Kerajaan dalam membangun dan mentransformasikan Negara menjadi 'Negara Maritim'.*

# President's Statement

## Penyata Presiden

During the year, the Bank was mandated to manage an additional maritime fund of RM2.0 billion, which was transferred from the Public Transport Fund, apart from the existing RM2.0 billion Maritime Fund. Cumulatively, as at 31 December 2010, the Maritime Fund of RM4.0 billion had benefited 26 companies with total approvals of RM2.2 billion.

### High Technology

Overall, technology sector contributed 6.5% of the total loan outstanding in 2010 and recorded an increase of RM40.3 million from RM1.5 billion in 2009. During the year, 6 loans valued at RM284.8 million were approved, of which RM69.3 million was approved under the Green Technology Fund Scheme (GTFS) in support of the Government's objective to promote green technology.

### ENHANCED OPERATIONAL EFFICIENCY

#### Continuous Process Improvement

In our effort to ensure continued quality service delivery to our customers, the Bank took steps to further streamline and optimize its operating structure. A re-organization was implemented with the creation of Business Banking customer relationship management (CRM) model, to provide a single point of contact with customers. This entailed the merging of business development and credit analysis functions into one to enable an officer to serve the customer from origination to structuring and approval of the loan in a seamless manner.

The CRM model was implemented to enable the Bank to adhere to the enhanced MS ISO 9001:2000 certification in which the number of days taken to process financing applications was reduced to 30 working days (previously 45) from date of receipt of full documents.

*Pada tahun semasa, Bank telah dimandatkan untuk menguruskan dana maritim tambahan bernilai RM2.0 bilion, yang telah dipindahkan daripada Dana Pengangkutan Awam, selain daripada RM2.0 bilion Dana Maritim yang sedia ada. Secara kumulatifnya, setakat 31 Disember 2010, Dana Maritim bernilai RM4.0 bilion telah memanfaatkan 26 syarikat dengan jumlah kelulusan sebanyak RM2.2 bilion.*

### Teknologi Tinggi

*Secara keseluruhannya, sektor teknologi telah menyumbang 6.5% daripada jumlah baki pinjaman pada tahun 2010, dan mencatatkan peningkatan RM40.3 juta daripada RM1.5 bilion pada 2009. Pada tahun semasa, 6 pinjaman bernilai RM284.8 juta telah diluluskan, di mana RM69.3 juta telah diluluskan di bawah Skim Dana Teknologi Hijau (GTFS) dalam usaha menyokong objektif Kerajaan untuk mempromosi teknologi hijau.*

### MENINGKATKAN KECEKAPAN OPERASI

#### Penambahbaikan Proses Berterusan

*Dalam usaha kami untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan-pelanggan kami, Bank telah mengambil langkah-langkah bagi memperkemas dan mengoptimalkan struktur operasinya. Penyusunan semula organisasi telah dilaksanakan dengan menubuhkan model pengurusan pelanggan Perbankan Perniagaan (CRM), bagi menyediakan satu titik pertemuan dengan pelanggan. Ini melibatkan penggabungan fungsi pembangunan perniagaan dan analisa kredit menjadi satu bagi membolehkan seorang pegawai memberi khidmat kepada pelanggan daripada awal hingga penstrukturan dan kelulusan pinjaman dalam aliran kerja yang kemas dan tersusun.*

*Model CRM ini telah dilaksanakan bagi memastikan Bank mematuhi pensijilan MS ISO 9001:2000 yang telah dipertingkatkan, di mana jumlah hari yang diambil untuk memproses permohonan pembiayaan telah dikurangkan kepada 30 hari bekerja (sebelum ini 45 hari) daripada tarikh penerimaan dokumen penuh.*

# President's Statement

## Penyata Presiden

The Bank also initiated and successfully rolled out a new Credit Risk Rating model, aimed at enhancing robustness in the evaluation of credits and adhering to international risk management best practices. Systems capability was similarly enhanced, as the Bank successfully upgraded its financial management system to the latest version. To further improve efficiency and productivity, the Bank approved the appointment of a vendor to undertake the implementation of a new enterprise loan management system to support the new operating model as well as to ensure conformance to new regulatory requirements, new financial reporting standards and statutory compliance.

### Human Capital Development

The Group recognizes the need for a skilled, agile and committed work force. These essential qualities are pre-requisites in mapping our journey towards becoming a progressive development financial institution with a role in stimulating the growth of the nation. Hence, a total of RM1.4 million representing more than 5% of staff salaries, was spent on training, which among others include leadership development programme, structured training for risk management and certification for credit personnel.

During the year, structural and operational changes were undertaken to enhance and optimize human capital utilization within the Group. A Mutual Separation Scheme (MSS) was offered to selected staff of the Group as part of its manpower rationalization exercise. The MSS is a mutually beneficial scheme for both the staff and the Group, which provided an avenue for the Group to right-size its human capital requirement with the objective of increasing its operational efficiency and productivity, as well as overall competitiveness. The MSS was completed on 31st December 2010 involving 35 employees.

*Bank juga telah memulakan dan menjalankan dengan jayanya model Penarafan Risiko Kredit yang baru, bertujuan untuk memperkuat kaedah penilaian kredit dan mematuhi amalan terbaik pengurusan risiko antarabangsa. Keupayaan sistem juga telah dipertingkatkan, di mana Bank telah berjaya menaik taraf sistem pengurusan kewangan kepada versi terkini. Untuk meningkatkan keupayaan dan produktiviti, Bank telah meluluskan perantukan vendor bagi menyiapkan pelaksanaan satu sistem pengurusan pinjaman enterprise untuk membantu model operasi yang baru dan juga untuk memastikan kesesuaian kepada keperluan peraturan baru, standard pelaporan kewangan dan pematuhan undang-undang baru.*

### Pembangunan Modal Insan

*Kumpulan mengakui keperluan tenaga kerja yang mahir, tangkas dan komited. Kualiti-kualiti penting ini adalah prasyarat dalam melakar perjalanan untuk menjadi institusi kewangan pembangunan yang progresif dengan peranan untuk merangsang pembangunan Negara. Sehubungan itu, sejumlah RM1.4 juta, mewakili lebih daripada 5% jumlah gaji staf, telah dibelanjakan untuk latihan, antara lain termasuk program pembangunan kepimpinan, latihan berstruktur untuk pengurusan risiko dan pensijilan untuk staf-staf kredit.*

*Pada tahun semasa, perubahan struktur dan operasi telah dilakukan untuk meningkatkan dan mengoptimalkan penggunaan modal insan di dalam Kumpulan. Mutual Separation Scheme (MSS) telah ditawarkan kepada staf terpilih dalam Kumpulan sebagai sebahagian daripada proses rasionalisasi tenaga kerja. MSS memberi manfaat kepada kedua-dua pihak staf dan juga Kumpulan, di mana memberi ruang kepada Kumpulan untuk mendapatkan keperluan jumlah tenaga kerja yang betul, dengan objektif untuk meningkatkan kecekapan operasi dan produktiviti, dan juga persaingan keseluruhannya. MSS telah diselesaikan pada 31 Disember 2010 yang melibatkan 35 orang staf.*

# President's Statement

## Penyata Presiden

### MOVING FORWARD

As the pick-up in the Malaysian and regional economies become firmer, prospects are looking bright for the financial year 2011. Moving forward, the country is anticipated to register a robust GDP growth of 5 to 6% in 2011, with domestic demand once again acting as the back-bone for momentum. Both consumption and investment activities are envisaged to remain resilient, underpinned by stable employment and more robust investment activities arising from the implementation of the much-awaited projects under the Economic Transformation Programme (ETP). Notably, the construction sector is expected to receive the most direct benefits from the rollout of the ETP projects, amid the implementation of larger-scale jobs in the coming year. The strategic reform initiatives underlined in the New Economic Model towards achieving the nation's high-income aspiration will also be integral to stimulating further growth in domestic demand.

This offers wider opportunities for Bank Pembangunan to grow its business and also to provide a greater contribution in its role as a leading Development Financial Institution.

Fully cognizant of the challenges ahead, amidst the changing financial landscape brought about in part by liberalization and globalization of financial markets, 2011 will be a bigger test of our character, resilience and innovativeness.

DATO' ZAFER HASHIM  
President / Group Managing Director

### MELANGKAH KEHADAPAN

*Melihat kepada lonjakan ekonomi Malaysia dan di wilayah sekitarnya yang bertambah kukuh, prospek tahun kewangan 2011 dilihat semakin cerah. Melangkah ke hadapan, Negara dijangka merekodkan pertumbuhan GDP yang kekal di antara 5 ke 6 % pada tahun 2011, dengan permintaan dalaman sekali lagi bertindak sebagai tulang belakang kepada momentum ini. Aktiviti-aktiviti pelaburan dan penggunaan dijangka akan terus pulih, disokong dengan kestabilan guna tenaga dan aktiviti pelaburan yang lebih sihat hasil daripada pelaksanaan projek-projek yang dinanti-nanti di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Terutama, sektor pembinaan yang dijangkakan akan menerima manfaat terus daripada pelancaran projek-projek ETP, di tengah-tengah pelaksanaan kerja-kerja berskala besar pada tahun akan datang. Inisiatif-inisiatif pembaharuan strategik yang digariskan di dalam Model Ekonomi Baru ke arah mencapai inspirasi sebagai negara berpendapatan tinggi juga penting untuk lebih merangsang pertumbuhan permintaan dalam negara.*

*Ini menawarkan peluang-peluang yang lebih luas kepada Bank Pembangunan untuk mengembangkan bukan sahaja perniagaan, bahkan juga sebagai sumbangan yang lebih besar kepada peranannya menjadi peneraju Institusi Pembiayaan Pembangunan.*

*Sedar akan cabaran-cabaran mendatang, ditengah-tengah perubahan landskap kewangan yang dibawa oleh liberalisasi dan globalisasi pasaran kewangan, 2011 akan menguji dengan lebih kuat karekter, inovasi dan daya tahan Bank.*

DATO' ZAFER HASHIM  
Presiden/Pengarah Urusan Kumpulan